



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 9 JANUARI 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BENARKAN PERUNCIT DAPATKAN PERMIT IMPORT AYAM, KATA MYDIN, MSN NEWS -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	KENAIKAN HARGA AYAM, TELUR SENTIASA DIKAWAL, NASIONAL, BH AHAD -16	
3.	KENAIKAN HARGA BARANG TERUS DIPANTAU, SEMASA, KOSMO AHAD -12	
4.	FAKTOR KOS OPERASI, SETEMPAT, METRO AHAD -17	
5.	HARGA AYAM, TELUR NAIK LEBIH TINGGI JIKA TIADA INTERVENSI KERAJAAN, TEMPATAN, MINGGUAN SARAWAK -18	
6.	KPDNHEP JANJI JAGA KEBAJIKAN PENGGUNA, PENIAGA, NASIONAL, SH -5	
7.	BERI KUOTA KECIL AP AYAM KEPADA PASAR RAYA, NASIONAL, SH -5	
8.	PRICE HIKE OF CHICKENS A CAUSE FOR CONCERN AMONG LOCAL SELLERS, HOME, THE SUNDAY POST (KUCHING) -3	
9.	PERLU BAIKI SEGERA INFRASTRUKTUR ASAS ROSAK DI BELURAN, TEMPATAN, HARIAN EKSPRESS (KK) -2	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/1/2022	MSN NEWS	ONLINE	

Benarkan peruncit dapatkan permit import ayam, kata Mydin



© Provided by Free Malaysia Today Kerajaan membenarkan pengimportan 5.5 juta ayam sejuk beku sebulan sehingga Februari.

PETALING JAYA: Ketua sebuah rangkaian pasar raya besar tempatan menggesa kerajaan supaya mengamalkan ketelusan dalam pemberian permit yang diluluskan (AP) bagi mengimport ayam seekor.

Pengarah Urusan Mydin Ameer Ali Mydin berkata, syarikatnya telah memohon AP untuk mengimport ayam seekor tetapi masih belum mendapat maklum balas.

Ameer, yang juga Naib Presiden Persatuan Peruncit Malaysia, berkata peruncit lain juga memaklumkan kepadanya bahawa mereka tidak mendapat sebarang AP walaupun kerajaan mengumumkan bahawa ia akan membenarkan lebih banyak import.

Seorang pegawai pasar raya besar lain yang enggan dinamakan berkata, permohonan syarikatnya untuk mendapatkan AP turut ditolak.

“Sehingga kini, tiada sebarang maklum balas daripada kerajaan. Sudah sebulan. Kami telah penuhi semua syarat,” kata Ameer kepada FMT.



© Provided by Free Malaysia Today Ameer Ali Mydin.

“Kami tidak tahu siapa yang dapat AP untuk import ayam seekor. Jika peruncit boleh dapatkan AP, kami boleh bawa masuk ayam secara langsung dan jual pada harga lebih rendah berbanding perlu melalui pihak ketiga,” kata Ameer.

“Apabila bercakap tentang keperluan asas, bukan hanya pengimportan ayam seekor yang memerlukan AP. Terdapat juga AP untuk mengimport bahagian ayam dan kubis.”

Pada 4 Dis, Putrajaya mengumumkan ia akan membenarkan syarikat-syarikat mengimport ayam seekor sejuk beku sehingga 10,000 tan metrik atau 5.5 juta ayam sebulan sehingga Februari untuk menangani kekurangan bekalan.

Kemudian, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) berkata, pihak yang mahu mengimport ayam sejuk beku perlu berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan mempunyai kemudahan penyimpanan sejuk.

Tambahnya, pengimportan hanya akan dibenarkan dari negara dan rumah sembelih yang diluluskan kerajaan.

Ameer berkata, jika kerajaan mahu menurunkan harga barangan, ia harus memansuhkan AP atau sekurang-kurangnya memberikannya kepada lebih banyak peruncit.

Bawah skim kawalan harga kerajaan, harga runcit ayam ditetapkan pada RM9.10 sekilogram. Skim itu, yang dikatakan penternak ayam menyebabkan kerugian besar, akan ditamatkan pada 4 Feb.

FMT telah menghubungi Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk mendapatkan komen.

Headline	Kenaikan harga ayam, telur sentiasa dikawal		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	09 Jan 2022	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	56,027
Page No	16	Readership	168,081
Language	Malay	ArticleSize	359 cm ²
Journalist	BERNAMA	AdValue	RM 11,887
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,661



Kenaikan harga ayam, telur sentiasa dikawal

Kerajaan laksana pelbagai insentif elak barang keperluan dijual lebih mahal

Putrajaya: Harga ayam dan telur akan melonjak lebih tinggi jika tiada intervensi daripada kerajaan, kata

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

Justeru, beliau berkata, kerajaan termasuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sentiasa mengambil langkah proaktif untuk mengimbangi kenaikan harga ayam dan telur di pasaran.

Beliau berkata, antara langkah yang dilakukan adalah pelanjutan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) sehingga 4

Februari ini, mengimport ayam bulat sejuk beku dan pemberian kemudahan pinjaman mudah kepada industri penternakan ayam negara.

Alexander berkata, SHMKM yang dijadualkan berakhir 31 Disember lalu dilanjutkan 35 hari lagi sehingga 4 Februari ini dengan harga siling ayam ditetapkan RM6.10 sekilogram pada peringkat ladang, RM7.80 sekilogram peringkat borong dan RM9.10 sekilogram peringkat peruncit.

Selain itu, katanya, usaha mengimport ayam bulat sejuk beku sehingga 10,000 tan atau 5.5 juta ekor sebulan sedang diusahakan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

"Dengan penambahan bekalan di pasaran, situasi ini dapat menampung sebarang kekurangan bekalan ayam dan mewujudkan persaingan sihat, seterusnya mengawal dan mengimbangi harga

ayam di pasaran," katanya dalam laman Facebook beliau, di sini, semalam.

Sebelum ini, beliau membuat kenyataan bahawa harga ayam dan telur di pasaran dijangka naik selepas SHMKM berakhir 4 Februari ini.



Alexander Nanta Linggi

Beliau berkata, kenyataan itu bukan sengaja diada-adakan, tetapi berdasarkan hasil maklumat yang diterima daripada sesi libat urus yang diadakan 6 Januari lalu bersama MAFI, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Kewangan, wakil Agrobank dan Persekutuan Perindustrian-Persatuan Penternak Malaysia (PLFAM).

Katanya, setiap pihak membentangkan faktor kenaikan kos operasi penternakan ayam, termasuk peningkatan kos makanan ayam pada peringkat global dan kekurangan tenaga kerja akibat sekatan kemasukan pekerja asing bagi sektor itu.

Beliau berkata, kerajaan juga

memberi kemudahan pinjaman kepada industri penternakan ayam bagi mengatasi lonjakan harga ayam di pasaran dengan peruntukan bantuan RM262 juta untuk membantu peladang yang terjejas akibat kenaikan harga bajad dan racun.

"Daripada jumlah itu, RM200 juta disediakan sebagai pinjaman agromakanan pada kadar sifar faedah dengan moratorium bayaran balik selama enam bulan melalui Agrobank dan Tabung Ekonomi Kumpulan Urus Niaga (TEKUN) Nasional untuk manfaat pengeluaran agromakanan bagi menangani kos pengeluaran yang tinggi pada peringkat ladang," katanya.

Alexander berkata, isu kenaikan harga ayam itu dipengaruhi oleh pasaran dunia dan memerlukan kerjasama pelbagai kementerian serta agensi.

"Bagaimanapun, KPDNHEP akan terus memantau kenaikan harga dari semasa ke semasa dan memberi jaminan akan mengambil tindakan sewajarnya bagi menjaga kebajikan kedua-dua pihak iaitu pengguna dan peniaga," katanya. BERNAMA

Headline	Kenaikan harga barang terus dipantau		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	09 Jan 2022	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	166,774
Page No	12	Readership	500,322
Language	Malay	ArticleSize	350 cm ²
Journalist	Eddy Hamidi	AdValue	RM 9,118
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,354



Kenaikan harga barang terus dipantau

Oleh EDDY HAMIDI

PUTRAJAYA - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan terus memantau kenaikan harga barangan keperluan dari semasa ke semasa dan memberi jaminan akan mengambil tindakan sewajarnya bagi menjaga kebajikan pengguna dan peniaga.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pihaknya mengambil maklum laporan akhbar berhubung kenyataan beliau tentang jangkaan kenaikan harga ayam dan telur selepas Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) tamat pada 4 Februari ini.

"Kenyataan itu bukan sengaja diada-udakan, tetapi ia berdasarkan maklumat daripada sesi libat urus pada 6 Januari lalu bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Kewangan, wakil Agro Bank dan wakil-wakil daripada Persekutuan Persatuan-persatuan Penternak (ELFAM).



KPDNHEP sentiasa membuat pemantauan harga barangan keperluan demi menjadi kebajikan pengguna. - GAMBAR HASRATI

"Melalui sesi itu, setiap pihak termasuk ELFAM membentangkan faktor-faktor kenaikan kos operasi penternakan ayam termasuk peningkatan kos makanan ayam di peringkat global

dan kekurangan tenaga kerja akibat sekatan kemasukan pekerja asing bagi sektor ini," katanya menerusi satu kenyataan semalam.

Jelas beliau, Kementerian juga dinaklumkan bahawa pelaksanaan SHMKM telah



KERATAN Kosmo semalam.

membebankan penternak yang terpaksa menyerap kos operasi lebih tinggi.

Sekiranya skim itu diteruskan ujarinya, hasil pengeluaran ayam dan telur pasti terjejas.

"Jika ini berlaku, ia tentunya memberi kesan lebih buruk kepada pengguna akibat kekurangan bekalan ayam dan telur di pasaran.

"Inilah realitinya yang akan terjadi sekiranya tiada campur tangan kerajaan yang mana harga ayam dan telur akan melonjak lebih tinggi," ujar beliau.

Mengulas lanjut, Alexander menegaskan, kerajaan termasuk KPDNHEP sudah pun mengambil langkah pro aktif untuk mengimbangi kenaikan harga

ayam dan telur di pasaran seperti melanjutkan pelaksanaan SHMKM sehingga 4 Februari ini seperti yang telah diumumkan sebekum ini.

Katanya, kerajaan turut mengambil tindakan mengimport ayam bulat sejuk beku sehingga 10,000 tan metrik atau 5.5 juta ekor sebulan serta pemberian kemudahan pinjaman mudah kepada industri penternakan ayam negara.

"Ini bagi mengatasi masalah lonjakan harga ayam di pasaran.

"Dengan adanya pemberian pinjaman mudah seperti itu, ia dapat membantu penternak dan peladang menyerap kos operasi dan pengeluaran yang tinggi, sekali gus boleh mengawal kenaikan harga ayam," katanya.

Tambah beliau, isu kenaikan harga ayam yang melibatkan kos operasi yang dipengaruhi oleh pasaran dunia amat mencabar serta memerlukan kerjasama pelbagai kementerian dan agensi terbabit.

Headline	FAKTOR KOS OPERASI		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	09 Jan 2022	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	120,979
Page No	17	Readership	362,937
Language	Malay	ArticleSize	399 cm ²
Journalist	SURAYA ROSLAN	AdValue	RM 15,658
Frequency	Daily	PR Value	RM 46,974



Oleh Suraya Roslan
suraya@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kenaikan kos operasi penternakan termasuk peningkatan harga makanan di peringkat global dan kekurangan tenaga kerja akibat sekatan memasuki pekerja asing antara faktor utama kenaikan harga ayam dan telur pada 4 Februari depan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, beliau mengambil maklum jangkaan kenaikan harga ayam dan telur di pasaran selepas Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) tamat bulan depan.

"Kenyataan ini bukan sengaja diada-adakan, tetapi berdasarkan maklumat diterima daripada sesi libat urus pada Khamis lalu bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi), Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Kewangan, wakil Agro Bank dan wakil dari Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak (FLFAM).

"Melalui sesi itu, setiap pihak termasuk FLFAM membentangkan faktor kenaikan kos operasi penternakan ayam termasuk peningkatan kos makanan di peringkat global dan kekurangan tenaga kerja akibat sekatan pekerja asing bagi sektor ini," katanya dalam kenyataan di Facebook, semalam.

Katanya, kementerian dimaklumkan, pelaksanaan SHMKM membebaskan penternak yang perlu menyerap kos operasi lebih tinggi.

"Sekiranya skim ini diteruskan, pihak kementerian dimaklumkan menjejaskan hasil pengeluaran ayam dan



KENAIKAN harga telur dijangka selepas sambutan Tahun Baharu Cina.

FAKTOR KOS OPERASI

Penjelasan menteri berkaitan jangkaan kenaikan harga ayam, telur 4 Februari depan

RM9.10

Harga siling ayam ditetapkan di peringkat peruncit

telur dan keadaan ini mengganggu bekalan ayam serta telur di pasaran.

"Jika ini berlaku, ia memberi kesan lebih buruk kepada pengguna akibat kekurangan bekalan ayam dan telur sekali gus menyebabkan harga meningkat.

"Ini realiti yang terjadi jika tiada intervensi daripada kerajaan. Tanpa intervensi, harga ayam dan telur terus melonjak," katanya.

Katanya, kerajaan termasuk KPDNHEP mengambil

langkah proaktif mengimbangi kenaikan harga ayam dan telur di pasaran.

"Antaranya, pelaksanaan SHMKM yang dijadualkan berakhir pada 31 Disember lalu dan dilanjutkan 35 hari lagi berkuat kuasa 1 Januari hingga 4 Februari 2022.

"Selain itu, harga siling ayam sehingga 4 Februari ditetapkan RM6.10 sekilogram di peringkat ladang, RM7.80/kilogram di peringkat borong dan RM9.10/kilogram (peruncit).

"Mafii mengimport ayam bulat sejuk beku sehingga 10,000 tan metrik atau 5.5 juta sebulan.

"Dengan penambahan bekalan, situasi ini menampung kekurangan bekalan ayam dan mewujudkan per-

saingan sihat seterusnya mengawal dan mengimbangi harga ayam," katanya.

Selain itu, pemberian pinjaman mudah atau *soft loan* kepada industri penternakan bagi mengatasi isu lonjakan harga ayam.

"Kerajaan mengumumkan peruntukan RM262 juta untuk membantu peladang terjejas akibat kenaikan harga baja dan racun," katanya.

Sementara itu, tinjauan Harian Metro mendapati rata-rata peniaga runcit mengakui mereka tidak mengetahui kenaikan harga telur dan ayam selepas sambutan Tahun Baharu Cina.

Kebanyakan mereka mengetahui isu itu menerusi media sosial dan berita di media massa.

Headline	Harga ayam, telur naik lebih tinggi jika tiada intervensi kerajaan		
MediaTitle	Mingguan Sarawak		
Date	09 Jan 2022	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	37,981
Page No	18	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	414 cm ²
Journalist	Bernama	AdValue	RM 941
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,823



Harga ayam, telur naik lebih tinggi jika tiada intervensi kerajaan

PUTRAJAYA: Harga ayam dan telur akan melonjak naik lebih tinggi sekiranya tiada intervensi daripada kerajaan, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Alexander Nanta Linggi (*gambar*).

Justeru, beliau berkata kerajaan termasuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sentiasa mengambil langkah proaktif untuk mengimbangi kenaikan harga ayam dan telur di pasaran.

Antara langkah yang dilakukan termasuk melanjutkan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) sehingga 4 Februari.

ini, mengimport ayam bulat sejuk beku dan pemberian kemudahan pinjaman mudah kepada industri penternakan ayam negara bagi mengatasi masalah lonjakan harga ayam di pasaran.

Nanta berkata, pelaksanaan SHMKM yang dijadualkan berakhir 31 Disember 2021 telah dilanjutkan selama 35 hari lagi, berkuat kuasa 1 Januari

hingga 4 Februari 2022 dengan harga siling ayam ditetapkan sehingga 4 Februari 2022 pada RM 6.10 sekilogram di peringkat ladang, RM 7.80 sekilogram di peringkat borong dan RM9.10 sekilogram di peringkat peruncit.

Selain itu, usaha mengimport ayam bulat sejuk beku sehingga 10,000 tan metrik atau 5.5 juta ekor sebulan dan tindakan ini sedang diusahakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

"Dengan penambahan bekalan di pasaran, situasi ini dapat menampung sebarang kekurangan bekalan ayam dan mewujudkan persaingan sehat yang seterusnya dapat mengawal dan mengimbangi harga ayam di pasaran," katanya dalam laman Facebook beliau di sini semalam.

Nanta berkata, kerajaan juga memberi kemudahan pinjaman mudah atau soft loan kepada industri penternakan ayam negara bagi mengatasi masalah lonjakan harga ayam di pasaran dengan peruntukan bantuan sebanyak RM262 juta untuk membantu peladang yang terjejas akibat kenaikan harga baja dan acun.

"Daripada jumlah itu sebanyak RM200 juta disediakan sebagai pinjaman agromakanan pada kadar sifar faedah dengan ma-

terium bayaran balik selama enam bulan melalui Agrobank dan Tabung Ekonomi Kumpulan Urus Niaga (TEKUN) Nasional untuk manfaat pengeluar agromakanan bagi menanggung kos pengeluaran yang tinggi di peringkat ladang.

"Dengan adanya pemberian soft loan atau pinjaman mudah ini, ia dapat membantu penternak dan peladang menyertai kos operasi dan pengeluaran yang tinggi ketika ini sekali gus boleh mengawal kenaikan harga ayam," katanya.

Nanta menjelaskan isu kenaikan harga ayam ini yang melibatkan kos operasi yang dipengaruhi oleh pasaran dunia sementara ini amat mencabar dan memerlukan kerjasama pelbagai kementerian dan agensi.

"Walaupun bagaimanapun, KPDNHEP akan terus memantau kenaikan harga dari semasa ke semasa dan memberi jaminan akan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi menjaga kebajikan kedua-dua pihak iaitu pengguna dan peniaga," katanya. - Bernama

terium bayaran balik selama enam bulan melalui Agrobank dan Tabung Ekonomi Kumpulan Urus Niaga (TEKUN) Nasional untuk manfaat pengeluar agromakanan bagi menanggung kos pengeluaran yang tinggi di peringkat ladang.

"Dengan adanya pemberian soft loan atau pinjaman mudah ini, ia dapat membantu penternak dan peladang menyertai kos operasi dan pengeluaran yang tinggi ketika ini sekali gus boleh mengawal kenaikan harga ayam," katanya.

Nanta menjelaskan isu kenaikan harga ayam ini yang melibatkan kos operasi yang dipengaruhi oleh pasaran dunia sementara ini amat mencabar dan memerlukan kerjasama pelbagai kementerian dan agensi.

"Walaupun bagaimanapun, KPDNHEP akan terus memantau kenaikan harga dari semasa ke semasa dan memberi jaminan akan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi menjaga kebajikan kedua-dua pihak iaitu pengguna dan peniaga," katanya. - Bernama



Headline	KPDNHEP janji jaga kebajikan pengguna, peniaga		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	09 Jan 2022	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	5	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	219 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,643
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,929



KPDNHEP janji jaga kebajikan pengguna, peniaga

SHAH ALAM - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan terus memantau kenaikan harga ayam dan telur sekali gus memberi jaminan akan mengambil tindakan sewajarnya bagi menjaga kebajikan pengguna serta peniaga.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, isu kenaikan harga ayam yang melibatkan kos operasi dipengaruhi oleh pasaran dunia sememangnya amat mencabar dan memerlukan kerjasama pelbagai kementerian dan agensi.

"Saya mengambil maklum laporan media mengenai kenyataan saya berkenaan jangkakan kenaikan harga ayam dan telur di pasaran selepas Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) tamat pada 4 Februari ini.

"Perlu saya jelaskan bahawa kenyataan ini bukanlah sengaja diada-adakan, tetapi berdasarkan hasil maklumat yang diterima daripada sesi libat urus yang diadakan pada Khamis lalu bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Kewangan, wakil AgroBank dan wakil-wakil dari Persekutuan Persatuan-persatuan Penternak (FLFAM).

"Melalui sesi itu, setiap pihak termasuk FLFAM telah membentangkan faktor-faktor kenaikan kos operasi penternakan ayam termasuk peningkatan



ALEXANDER NANTA LINGGI

kos makanan ayam di peringkat global dan kekurangan tenaga kerja akibat sekatan kemasukan pekerja asing bagi sektor ini," katanya dalam kenyataan di Facebooknya pada Sabtu.

Menurutnya, pelaksanaan SHMKM ini juga telah membebaskan penternak yang terpaksa menyerap kos operasi lebih tinggi dan se-

kiranya diteruskan akan menjejaskan hasil pengeluaran ayam dan telur.

"Sekiranya keadaan ini berlaku, ini tentunya akan memberi kesan yang lebih buruk kepada pengguna akibat kekurangan bekalan ayam dan telur di pasaran. Dengan kurangnya bekalan, harga jualan juga akan meningkat," katanya.

Justeru, beliau berkata, kerajaan termasuk KPDNHEP sudah mengambil langkah proaktif untuk mengimbangi kenaikan harga ayam dan telur di pasaran seperti yang telah diumumkan sebelum ini.



Laporan Sinar Harian pada Sabtu.

Headline	Beri kuota kecil AP ayam kepada pasar raya		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	09 Jan 2022	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	5	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	208 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,410
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,230



Beri kuota kecil AP ayam kepada pasar raya

SHAH ALAM - Kerajaan mungkin boleh menimbangkuota kecil permit import (AP) kepada pasar raya besar bagi membolehkan bekalan ayam dibawa masuk ke negara ini.

Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Mohd Yusof Abdul Rahman berkata, ia sekurang-kurangnya boleh membantu untuk memastikan harga ayam lebih rendah dapat dinikmati oleh pengguna.

Bagaimanapun, beliau menegaskan AP tersebut tidak boleh diserahkan sepenuhnya kepada pasar raya besar kerana akan menyebabkan ketidakadilan kepada ramai pengguna yang tidak mempunyai pasar raya di kawasan berdekatan tempat tinggal mereka.

“Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mungkin boleh melihat pemberian sedikit kuota AP kepada pasar raya. Namun, kuota besar seharusnya dikekalkan kepada pembekal untuk memastikan agihan ayam itu dapat diperolehi sama rata di semua tempat.

“Kalau hanya bagi AP itu kepada pasar raya besar, bagaimana dengan tempat yang tiada pasar raya. Pengguna yang duduk di kawasan bandar sahaja yang boleh menikmati harga rendah itu. Ia tidak adil kepada orang yang tinggal



MOHD YUSOF



JACOB GEORGE

di luar bandar dan mereka terpaksa ke pasar raya untuk membeli ayam dengan harga rendah.

“Jadi, perkara ini perlu diteliti dengan baik sebelum sebarang keputusan dibuat,” katanya kepada *Sinar Ahad*.

Dalam pada itu, Presiden Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam (CASSA), Datuk Dr Jacob George tidak bersetuju dengan langkah memberikan AP bagi bekalan ayam kepada pasar raya besar.

Menurutnya, langkah membenarkan lebih banyak ayam dari luar negara dibawa masuk ke negara ini hanya bersifat penyelesaian jangka pendek dan tidak menyelesaikan masalah kenaikan

an harga yang sering berlaku.

“Bagi saya, tindakan membenarkan lebih banyak ayam dari luar negara dibawa masuk sudah lari daripada kepentingan utama terutama dalam memastikan sekuriti makanan di negara ini berada pada tahap terbaik.

“Golongan penjual atau peruncit yang keluarkan kenyataan seperti minta untuk permit import ini tahu sentimen pengguna yang hanya mahu penyelesaian jangka pendek.

“Apa yang penting mereka telah berikan harga ayam yang dimahukan pengguna tanpa memikirkan apa penyelesaian jangka panjang,” katanya.

Headline	Price hike of chickens a cause for concern among local sellers		
MediaTitle	The Sunday Post (Kuching)		
Date	09 Jan 2022	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	65,012
Page No	3	Readership	195,036
Language	English	ArticleSize	266 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,627
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 10,881



Price hike of chickens a cause for concern among local sellers

KUCHING: The local chicken sellers are concerned about prices shooting up after the Keluarga Malaysia Maximum Price Control Scheme (SHMKM) ends early next month.

A survey over Medan Niaga Satok here yesterday morning found that the chickens were being sold at RM10 per kilogramme.

Hawker Effendi Hassim, 41, lamented over the 50 sen increase as he recalled that he sold the chicken at RM9.50 per kilogramme the previous month.

"The possibility of a price hike is due to the rise in the operating cost of poultry farming, which in turn, may affect the price and supply to hawkers.

"When the poultry farmers suffer losses, they will not be able to supply to us as much as before and the price may increase," he told The Borneo Post here yesterday.

Another hawker Moni Jawi, 60, said the price hike was 'expected'.

However, he said the selling price would depend on the ever-changing market prices of chickens.

"The price hike depends on the market; if the market price increases, I have to increase my prices as well," said Moni, who is selling his chickens at RM10 per kilogramme.

"I have been selling my chickens at this price since the scheme (SHMKM) was implemented last year, and it remains the same this year," he said, pointing out that there was still much demand for the poultry meat locally.

Minister of Domestic Trade and Consumer Affairs Datuk Seri Alexander Nanta Linggi had, on Friday, said that Malaysians must be prepared for the possibility of price hike involving chickens,



Effendi prepares an order for one of his customers. — Photo by Galileo Pelingi

which could strike early next month upon the end of the SHMKM.

He said this was because many

poultry farmers were burdened with rising costs in operations and imported animal feed.

However, Nanta assured

everyone that the potential price hikes would not burden Malaysians, adding that his ministry would be looking for the

best mechanism, in collaboration with the Ministry of Agriculture and Food Industry, to stabilise retail prices.

Headline	Perlu baiki segera infrastruktur asas rosak di Beluran		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	09 Jan 2022	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	2	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	214 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 455
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,365



RONALD (kanan) menziarahi keluarga mendiang Aloysius di Kg Liningkong, Jumaat lalu.

Perlu baiki segera infrastruktur asas rosak di Beluran

TELUPID: Infrastruktur dan kemudahan asas penduduk kampung yang rosak akibat banjir di Beluran, termasuk Telupid dan Paitan, perlu dibaiki segera, kata Ahli Parlimen Beluran Datuk Seri Ronald Khande.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan itu berkata, infrastruktur rosak ini termasuk beberapa jalan yang menjadi laluan perhubungan beberapa kampung di sini, selain jambatan gantung.

"Pejabat (Parlimen) saya akan melihat keperluan berkenaan dan mencari penyelesaian sebaiknya secepat mungkin.

"Ini penting agar aktiviti seharian penduduk tidak terjejas," katanya semasa meninjau jambatan gantung yang rosak di Kg Berayang, di sini, Jumaat lalu.

Mengenai jambatan gantung rosak di

Kg Berayang, beliau berkata kerosakan yang dialami sejak 30 Disember lepas akibat banjir dan air sungai deras, menyebabkan kira-kira 3,000 penduduk di Kg Baba dan Kg Anstuan di seberang Sungai Labuk terputus hubungan.

Menurutnya, perkhidmatan feri juga tidak dapat beroperasi untuk mengangkut penduduk ke Pekan Telupid, dengan keadaan sungai masih deras.

"Bantuan berkaitan juga akan terus disalurkan kerajaan untuk membantu penduduk yang terkesan banjir ini."

Pada Jumaat, Ronald turut menziarahi keluarga mendiang Aloysius Maringkot di Kg Liningkong Telupid yang lemas dalam kejadian banjir di kebun berhampiran Sungai Labuk pada Ahad lepas. - **Mardina Jikur**